

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NATION**

of being irresponsible. curbed, and most importantly, we do not deny there is an and labeling ends on Sept 30.

TS m/s 5 NATION 7/2/2025 (JUMAAT)

## No rising trend of influenza cases, says Health Ministry

**PETALING JAYA:** There is no rising trend of influenza cases in Malaysia and no reported cases of avian influenza in humans either, says the Health Ministry.

Despite foreign media reports of a sudden increase in influenza cases, the ministry cited data from the World Health Organization (WHO) for the Western Pacific Region, which indicates a declining trend.

"The positive rate for tested influenza samples was 26.19% in Epidemiological Week 1 of 2025

(EW 1/2025) and dropped to 21.97% in EW 4/2025, reflecting a 4% decrease," the ministry said in a statement yesterday.

The Western Pacific Region, one of WHO's six regions, consists of 37 member countries and territories, including Japan and China.

In Malaysia, hospital admissions for severe acute respiratory infection have decreased by 0.16%, from 7.52% in EW 3 to 7.26% in EW 4.

Similarly, consultations for influenza-like illnesses at public

health clinics declined from 5.81% in EW 3 to 4.67% in EW 4.

Regarding avian influenza, the ministry referenced WHO's weekly report from Jan 31, confirming no new human cases in the region, including Japan.

The last recorded case was on Jan 1.

To prevent potential infections, the ministry is actively monitoring farms, wild bird populations and wet markets – while also enforcing strict biosecurity and preventive measures.

The public is advised to follow preventive measures such as frequent handwashing with soap and water or hand sanitiser, covering the mouth and nose when coughing or sneezing, and wearing face masks for high-risk individuals and those with symptoms.

The ministry also recommends annual influenza vaccinations and urges individuals to seek medical attention at government or private health facilities if they experience prolonged fever, cough or flu-like symptoms.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

BH m/s 9 7/2/2025 (JUMAAT)  
Sidang Dewan Rakyat

# Syarikat bekal seragam jururawat diarah ganti kain

## Sampel bahan dihantar ke makmal takenuhi spesifikasi ditetapkan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati kain yang dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat di bawah kementerian itu tidak menepati spesifikasi.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata syarikat yang membekalkan kain berkenaan sudah diarah melaksanakan penggantian kain.

Beliau berkata, tender Bekalan Pakaian Seragam (Kain) Untuk Penjawat Awam di KKM dianugerahkan kepada Syarikat Peluang Kristal (M) Sdn Bhd dan siasatan dilaksanakan ke atas bekalan kain oleh syarikat berkenaan berdasarkan aduan yang diterima.

"Sampel kain yang diterima dihantar ke makmal kimia yang

diiktiraf. Seterusnya, perbandingan spesifikasi dibuat antara laporan kimia sampel kain yang diterima dengan spesifikasi kain, seperti ketetapan kontrak dan didapati ia tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

"Pihak syarikat sudah diminta untuk melaksanakan penggantian kain kepada Pusat Tanggungjawab di bawah KKM yang terbabit sebagai langkah penambahbaikan," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) mengenai skandal kualiti kain kurang baik yang dibekalkan sebuah syarikat untuk pakaian seragam jururawat bernilai lebih RM98.3 juta, selain nama syarikat pembekal yang terbabit, siasatan dan penemuan setakat ini.

Ketika sesi perbahasan di Dewan Rakyat pada Oktober tahun lalu, Guan Eng membangkitkan mengenai keluhan jururawat kerajaan yang mendakwa menerima kain untuk seragam yang berkualiti rendah, sehingga ada yang membandingkannya de-

ngan kain kafan.

Susulan itu, KKM menghantar sampel kain berkenaan ke makmal untuk dianalisis.

### Peringatan bertulis

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, peringatan juga sudah dikemuka secara bertulis pihak syarikat bagi memaklumkan penamatan perjanjian boleh dilaksanakan jika pihak syarikat gagal mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan ketetapan kontrak semasa yang sedang berkuat kuasa.

Pada 23 Oktober lalu, media melaporkan Kesatuan Jururawat Malaya mengakui menerima maklum balas mengenai kain yang dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat keras sedikit serta

tidak selesai dipakai ketika bekerja.

Perkara berkenaan dimaklumkan Presidennya, Saaidah Athman namun tidak mengulas mengenai perkara itu termasuk berhubung dakwaan kain dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat menyamai kain kafan.



Dr Dzulkefly Ahmad



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : LOKAL

Hm MIS20 LOKAL #12/2025 (JUMAAT)

# 'Lega tak perlu lagi tunggu lama'

Inisiatif KKM kurangi tempoh menunggu kepada 30 minit bagi perkhidmatan di klinik kerajaan

Oleh Ain Balqis Ahmad  
Parmy dan Fadhilahnur  
Amin  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Inisiatif Kementerian Kesihatan (KKM) mengurangkan tempoh waktu menunggu dari tiga jam kepada 30 minit bagi perkhidmatan yang ditawarkan di klinik kerajaan menerima pelbagai reaksi.

Tinjauan Harian Metro di Klinik Kesihatan Sungai Chua dan Klinik Kesihatan Cheras Baru, di sini, semalam mendapati terdapat perbezaan masa menunggu di antara pesakit, namun mereka berpuas hati dengan perubahan ini.

Kakitangan swasta, Zaccseus Alik Anak Jang, 26, berkata dia datang ke klinik kesihatan untuk rawatan mencuci luka akibat kemalangan jalan raya kira-kira jam 10.30 pagi dan selesai berjumpa doktor sekitar 30 minit kemudian.

"Saya sampai di klinik terus daftar di kaunter pen-



KKM mengurangkan tempoh waktu menunggu dari tiga jam kepada 30 minit bagi perkhidmatan ditawarkan di klinik kerajaan.

daftar, tak lama kemudian saya sudah dipanggil untuk bertemu doktor.

"Rawatan yang diberikan pun sekejap, lebih kurang 20 hingga 25 minit sahaja.

"Saya sudah dua kali datang ke klinik ini untuk dressing luka.

"Layanan yang diberi ju-

ga baik, doktor dan staff sangat mesra.

"Tak perlu tunggu lama, berbeza dengan tempat lain yang biasanya ambil masa lebih panjang," katanya ketika ditemui di Klinik Kesihatan Sungai Chua, di sini, semalam.

Pesara tentera, Raseli

Musa, 78, berkata dia berpuas hati terhadap sistem baru yang digunakan di Klinik Kesihatan Sungai Chua kerana berjaya mengurangkan masa menunggu untuk berjumpa doktor.

"Saya amat berpuas hati dengan sistem yang digunakan kerana tidak perlu

menunggu lama lagi untuk bertemu doktor," katanya.

Dia yang mendapatkan rawatan kolestrol dan darah tinggi berkata, tempoh masa bertemu doktor lebih awal daripada jadual yang ditetapkan.

"Temu janji saya pada 9 pagi, tapi saya selalunya

akan datang seawal 7.30 pagi bagi mengelak sebarang kelewatan. Alhamdulillah, tepat jam 9 pagi, saya dapat bertemu doktor," katanya.

Katanya, inisiatif terbaik adalah langkah positif dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan walaupun sedar bahawa pelaksanaannya mungkin memerlukan masa dan usaha.

Tukang jahit, M Parames, 46, berkata dia menunggu hampir satu setengah jam sebelum dapat berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan penyakit diabetes.

"Saya mendapat nombor giliran pada 11.10 pagi, tapi hanya dipanggil ke bilik doktor pada 12.30 tengah hari. Ingatkan selesai sebelum 12 tengah hari, tapi masih perlu menunggu lama.

"Apabila lama menunggu, saya terpaksa bergegas pula ke farmasi mengambil ubat kerana takut terlepas bas untuk pulang," katanya ketika ditemui di Klinik Kesihatan Cheras Baru, di sini.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

HM M/S 20 LOKAL #12/2025 (JUMAAT)

## Sistem baharu permudah urusan klinik warga emas

**Sik:** “Saya datang jam 9 pagi, tak sampai 25 minit saya sudah dapat jumpa doktor, perkhidmatan memang cepat,” kata Md Noor Hussin, 72.

Md Noor berkata, dia berpuas hati dengan perkhidmatan di Klinik Kesihatan Felda Teloi Timur, di sini, kerana tidak lagi mengambil masa lama untuk berjumpa doktor.

Katanya, sebagai warga emas, pelaksanaan sistem baharu mengurangkan waktu menunggu dari tiga jam kepada 30 minit sangat wajar.

“Sebelum ini saya sudah biasa datang ke sini untuk jumpa doktor kerana penyakit kencing manis. Alhamdulillah, perkhidmatan di sini memang baik, saya selalunya jarang tunggu terlalu lama walaupun ramai orang,” katanya.

Ibu kepada dua anak, Hasma Zainudin, 29, berkata dia turut berpuas hati dengan penambahbaikan yang dilakukan KKM terutama untuk pemeriksaan bayi yang baru lahir.

“Saya bawa anak baru berusia 10 hari ada masalah demam kuning, selepas daftar tak sampai 20 minit saya terus dapat jumpa doktor.

“Saya rasa sistem digital sekarang sangat membantu untuk memastikan semua perkhidmatan di klinik kesihatan lebih cekap dan efisien, namun dalam masa yang sama harap kerajaan dapat menambah kakitangan kesihatan terutama doktor,” katanya.

Sementara itu, Saodah Awang, 64, berkata perkhidmatan di klinik kesihatan kini bertambah terbaik apabila hanya menga-

mbil masa kira-kira 20 minit untuk pemeriksaan kesihatan berkala bersama suaminya Ibrahim Mahmud, 71.

“Saya dan suami tak jumpa doktor, cuma datang buat pemeriksaan tekanan darah. Apabila sampai, petugas akan minta kami rehat 15 minit sebelum dipanggil untuk periksa.

“Kalau hari ramai orang, mungkin akan ambil masa lama menunggu, tapi tidaklah terlalu lama. Kita pun faham keadaan, sekurang-sekurangnya sebelum jam 11 pagi atau 12 tengah hari sudah boleh balik ke rumah jika datang jam 8 atau 9 pagi,” katanya.

“  
Selepas daftar  
tak sampai 20  
minit saya terus  
dapat jumpa  
doktor  
Hasma





AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : LOKAL

HM M1520 LOKAL 7/2/2025 (JUMAAT)

## Seremban: Orang ramai yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) berpuas hati dengan perkhidmatan diberikan, namun tempoh menunggu masih melebihi 30 minit.

# Perkhidmatan di KK sekarang lebih baik berbanding dahulu

Tinjauan Harian Metro di Klinik Kesihatan (KK) Seremban 2 mendapati fasiliti berkenaan tidak sesak terutama di bahagian pendaftaran berbanding kebiasaan.

P Maligaa, 63, yang datang untuk janji temu doktor setiap bulan untuk pemeriksaan kesihatan berkata, dia menunggu lebih sejam sebelum nombor gilirannya dipanggil untuk berjumpa doktor.

“KK ini selesa dan luas, tetapi tidak tahu keadaan di KK lain. Cuma saya berharap boleh buat sesuatu untuk kurangkan waktu menunggu,” katanya yang ditemani anak perempuannya.

Sementara itu, warga emas yang mahu dikenali sebagai Ravi, 72, berkata perkhidmatan di KK sekarang dilihatnya lebih baik berbanding dahulu. Katanya, jika sebelum ini dia terpaksa menunggu lebih satu jam untuk berjumpa doktor, tetapi sekarang hanya paling lama sekurang-kurangnya 45 minit bergantung kepada penyakit atau hari.

“Macam hari ini (semalam) saya sampai di KK Seremban 2 pada jam 8.30 pagi untuk cuci luka akibat kencing manis dan jam 10 pagi sudah selesai semua urusan. Bagi saya lebih cepat berbanding dahulu,” katanya.

Kakitangan awam yang enggan dikenali berusia 30 tahun yang membuat pemeriksaan kesihatan menerusi Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) memaklumkan dia terpaksa menunggu lebih sejam.

“Berdasarkan nombor giliran saya, waktu tercatat adalah jam 9.29 pagi dan sehingga 10.45, nombor saya belum dipanggil lagi. Bagaimapun temu janji melalui aplikasi MySejahtera sedikit sebanyak menjimatkan masa,” katanya.



**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 11**  
**RUANGAN : NATION**

## Medical insurance cost rising with higher claims rate

MEDICAL claims inflation has led to a higher rate of claims for medical and health insurance and takaful (MHIT), says Deputy Finance Minister Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (*pic*).

He said Bank Negara had taken several interim measures to curb the impact of rising MHIT premiums on policyholders, which took effect on Jan 15.

The interim measures include the distribution of premium adjustments due to medical claims inflation over a period of at least three years until the end of 2026, and a one-year delay in premium adjustments due to medical claims inflation for poli-

cyholders aged 60 and above who are covered under the minimum plan for the MHIT products purchased.

"Additionally, policyholders whose policies have expired in 2024 due to the premium reset can contact their respective life insurers and family takaful operators to request their policies be reactivated based on the adjusted premiums," he said in the Dewan Rakyat.

Amir Hamzah was responding



to Lim Guan Eng (PH-Bagan) regarding the profits of life insurance companies since 2018 and the resolution of the controversy over premium increases for medical insurance, which have surged by as much as 70%, as well as steps to prevent arbitrary hikes in private health-care costs, Bernama reported.

He said through these interim measures, 80% of policyholders are expected to face annual premium adjustments of less than

10% due to medical claims inflation.

Meanwhile, Amir Hamzah said the average annual profit of the insurance and takaful industry between 2018 and 2023 was RM4.4bil from life insurers and family takaful operators.

He said the government will prioritise comprehensive health reforms to address the issue of medical inflation and charges at private hospitals.

"These efforts include implementing the Diagnostic Related Group payment model, enhancing transparency in drug costs, and comparing common medical costs."



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

Kosmo M/S U NEGARA 7/2/2025 (JUMAAT)

# Scammer mengaku pegawai KKM

- **Pesara rugi RM229,606 selepas didakwa konon lakukan jenayah**
- **Diminta masuk kad ATM dalam kotak dan tinggalkan dalam tong sampah**

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

**KUANTAN** - Seorang pesara mengalami kerugian sebanyak RM229,606 selepas terperdaya dengan sindiket penipuan dalam talian yang mengaku wakil Kementerian Kesihatan (KKM) dari Putrajaya.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, dalam kejadian pada 25 November lalu, mangsa seorang lelaki berumur

58 tahun menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai wakil KKM yang memaklumkan dia telah mengambil ubat secara berlebihan dan siasatan polis akan dibuat terhadapnya.

Katanya, mangsa kemudian disambungkan kepada 'pegawai polis' bernama Inspektor Hakim dan dimaklumkan dia terlibat dalam dua kegiatan jenayah.

"Selepas itu, mangsa diminta untuk memberikan nombor akaun bank dan diarah memasukkan semua wang simpanan ke dalam akaun tersebut kononnya bagi tujuan audit dan siasatan.

"Kemudian mangsa arahkan untuk memasukkan kad pengeluaran wang automatik (ATM) miliknya ke dalam satu kotak kecil dan ia perlu diletakkan di atas tong sampah berhadapan kedai serbaneka 7 Eleven di bandar Pekan dan 'pihak polis' akan

mengambilnya.

"Mangsa dimaklumkan setelah siasatan selesai kad bank akan dipulangkan. Pada 5 Februari lalu mangsa pergi ke bank dan mendapati terdapat 85 transaksi pemindahan wang keluar daripada akaun tersebut berjumlah RM229,606.11," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu beliau berkata, pihak polis Kontinjen Pahang menasihatkan orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan.

Katanya, masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima dipautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi.



**ORANG** ramai dinasihatkan sentiasa berhati-hati dengan panggilan daripada pihak tidak dikenali bagi mengelak ditipu scammer online.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NEGARA

KOSMO m/s 7 NEGARA 7/2/2025 (JUMAAT)

## Kerjasama komuniti, ibu bapa banteras vape

**KLUANG** – Kementerian Pendidikan (KPM) menyarankan kerjasama orang ramai khususnya ibu bapa sebagai langkah bagi memantau pelajar sekolah daripada terjebak dengan ketagihan *vape* atau rokok elektronik yang dilaporkan menjejaskan lebih 20,000 murid sekolah di seluruh negara.

Menterinya, Fadhlina Sidek menegaskan, KPM memandang serius isu itu dan tidak berkompromi dengan melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi mengekang gejala berkenaan.

Katanya, soalan ini telah berbangkit dalam Dewan Rakyat kelmarin dan kita telah pun memberikan jawapan dengan tuntas bahawa tidak akan berkompromi dalam soal *vape* ini kerana ternyata kesannya sangat besar kepada anak-anak kita.

“Jadi sebab itu pendekatan kita selain daripada memberikan kesedaran dan juga berkaitan dengan tindakan-tindakan disiplin kita juga mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengekang gejala *vape* ini terus berleluasa dalam kalangan anak-anak kita.

“Kita ambil pandangan keseluruhan isu ini secara cukup serius dan saya pasti Ketua Pengarah juga antara mereka yang



cukup komited melaksanakan proses-proses ini khususnya menyampaikan penegasan kita di peringkat JPN (Jabatan Pendidikan Negeri) khususnya juga di peringkat sekolah,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, Fadhlina ditemui dalam program INTAN Minister's Conversation (IMC) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan, di sini semalam.

Menurutnya, KPM akan terus berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan ia dapat benar-benar dikekang khususnya melibatkan kesihatan, disiplin anak-anak di sekolah dan yang paling utama bagaimana mereka dapat kesedaran penuh tentang bahayanya *vape* tersebut.